

# VILGLAD

Vildagliptin Tablets 50 mg

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan VILGLAD
2. Bagaimana VILGLAD berfungsi
3. Sebelum mengambil VILGLAD
4. Cara mengambil VILGLAD
5. Semasa mengambil VILGLAD
6. Kesan- kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan VILGLAD
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemasikini RiMUP

## Apakah kegunaan VILGLAD

Setiap tablet VILGLAD mengandungi 50 mg bahan aktif vildagliptin.

VILGLAD adalah ubat yang digunakan untuk merawat pesakit diabetes jenis 2 dengan keadaan yang tidak dapat dikawal oleh diet dan senaman semata-mata. Ia membantu mengawal paras gula dalam darah. Ubat seperti ini dikenali sebagai ubat antidiabetes oral.

Diabetes jenis 2 dialami apabila badan tidak menghasilkan insulin yang mencukupi atau apabila insulin yang dihasilkan oleh badan tidak bertindak sebaik yang sepatutnya.

Diabetes juga boleh dialami jika badan menghasilkan terlalu banyak glukagon.

Insulin ialah bahan yang membantu untuk menurunkan paras gula di dalam darah, terutama selepas makan. Glukagon ialah bahan yang mencetuskan penghasilan gula oleh hati, menyebabkan peningkatan paras gula darah. Pankreas menghasilkan kedua-dua bahan ini.

## Bagaimana VILGLAD berfungsi

VILGLAD bertindak dengan mendorong pankreas menghasilkan lebih banyak insulin dan mengurangkan penghasilan glukagon. VILGLAD membantu mengawal paras gula darah.

Doktor anda akan mengesyorkan pengambilan sama ada VILGLAD sahaja atau secara kombinasi dengan satu lagi ubat antidiabetes jika satu ubat sahaja

tidak cukup untuk mengawal paras gula darah anda.

Anda perlu meneruskan amalan diet dan senaman yang dinasihatkan ketika anda menjalani rawatan dengan VILGLAD.

Rujuk kepada doktor anda jika anda mempunyai sebarang soalan tentang sebab ubat ini dipreskripsikan untuk anda.

## Sebelum mengambil VILGLAD

Patuhi dengan teliti semua arahan yang diberi oleh doktor anda atau ahli farmasi, walaupun jika arahan tersebut berbeza daripada maklumat yang terkandung di dalam risalah ini.

### -Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda alergi (hipersensitif) kepada vildagliptin atau sebarang bahan lain dalam VILGLAD.

### **Wanita hamil**

Sila maklum doktor anda jika anda hamil, jika anda fikir anda mungkin hamil, atau jika anda merancang untuk hamil. Doktor anda akan berbincang dengan anda mengenai potensi risiko pengambilan VILGLAD semasa hamil.

Minta nasihat daripada doktor anda atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat semasa hamil.

### **Wanita yang menyusukan anak**

Jangan menyusukan anak semasa rawatan dengan VILGLAD.

Minta nasihat daripada doktor anda atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat semasa anda menyusukan anak.

### -Sebelum mula menggunakan VILGLAD

#### **Perhatian khas untuk VILGLAD**

- Jika anda hamil atau anda merancang untuk hamil.
- Jika anda menyusukan anak.
- Jika anda mengalami masalah buah pinggang.
- Jika anda mengalami masalah hati.
- Jika anda mengalami kegagalan jantung, doktor anda akan membuat keputusan sama ada untuk

mempreskripsikan VILGLAD berdasarkan tahap keadaan anda.

- VILGLAD bukan pengganti insulin. Oleh itu anda tidak harus mengambil VILGLAD untuk rawatan diabetes jenis 1 (di mana badan anda langsung tidak menghasilkan insulin) dan juga untuk rawatan bagi penyakit yang dipanggil ketoasidosis diabetes.

Jika sebarang daripada perkara- perkara yang tertera di atas melibatkan anda, sila beritahu doktor anda sebelum anda mengambil VILGLAD.

## **Pemantauan rawatan VILGLAD anda**

Doktor anda harus memastikan bahawa ujian-ujian berikut dilaksanakan:

- Darah dan air kencing diuji sentiasa untuk kandungan gula.
- Memeriksa fungsi hati anda:
- pada permulaan rawatan
- setiap 3 bulan dalam tahun pertama rawatan dan sentiasa selepas itu
- jika doktor anda memberitahu anda untuk menamatkan rawatan anda dengan VILGLAD kerana masalah hati, anda tidak patut mengambil VILGLAD semula.

## **VILGLAD dan pesakit yang sudah berumur**

VILGLAD boleh digunakan di kalangan pesakit yang sudah berumur.

## **VILGLAD dan kanak-kanak**

Tiada maklumat mengenai penggunaan VILGLAD di kalangan kanak-kanak (umur kurang daripada 18 tahun). Oleh itu penggunaan VILGLAD di kalangan pesakit ini tidak disyorkan.

## **Maklumat penting mengenai sesetengah bahan kandungan VILGLAD.**

VILGLAD mengandungi bahan yang dinamakan laktosa (gula susu). Jika anda alah teruk kepada laktosa, galaktosa, atau tidak dapat menyerap glukosa-galaktosa, beritahu doktor anda sebelum mengambil VILGLAD.

# VILGLAD

## Vildagliptin Tablets 50 mg

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor anda atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil atau baru-baru ini telah mengambil sebarang ubat lain. Ingat juga ubat-ubatan yang tidak dipreskripsikan oleh doktor.

### **Cara mengambil VILGLAD**

Patuhi dengan teliti semua arahan yang diberi oleh doktor anda dan ahli farmasi, walaupun jika arahan itu berbeza daripada arahan yang diberi dalam risalah ini. Jangan ambil VILGLAD lebih daripada yang ditetapkan dalam preskripsi doktor anda.

### -Berapa banyak harus diambil

Doktor anda akan memberitahu anda dengan tepat berapa banyak tablet VILGLAD yang perlu diambil.

Dos biasa VILGLAD adalah 50 mg atau 100 mg sehari. Dos 50 mg hendaklah diambil sebagai 50 mg sekali sehari. Dos 100 mg hendaklah diambil sebagai 50 mg dua kali sehari.

Bergantung kepada tindak balas anda kepada rawatan, doktor mungkin mencadangkan dos yang lebih tinggi atau lebih rendah.

Doktor anda akan mencadangkan pengambilan sama ada VILGLAD sahaja atau secara kombinasi dengan satu lagi ubat antidiabetes jika satu ubat sahaja tidak cukup untuk mengawal paras gula darah anda.

### -Bila perlu diambil

VILGLAD harus diambil pada waktu pagi (50mg sekali sehari) atau pada waktu pagi dan malam (50mg dua kali sehari).

VILGLAD boleh diambil dengan atau tanpa makanan.

Tablet itu harus ditelan sepenuhnya dengan segelas air.

### -Berapa lama perlu digunakan

Terus mengambil VILGLAD setiap hari selagi diarahkan oleh doktor anda. Anda mungkin terpaksa kekal dengan rawatan ini untuk tempoh masa yang panjang.

Doktor anda akan memantau secara tetap keadaan anda untuk memeriksa agar rawatan ini mendatangkan kesan yang diinginkan.

Jika doktor anda memberitahu anda untuk menamatkan rawatan dengan VILGLAD kerana masalah hati, anda tidak patut memulakan mengambil VILGLAD semula.

Jika anda mempunyai soalan tentang tempoh pengambilan VILGLAD anda, berbincang dengan doktor anda.

### -Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa mengambil VILGLAD, ambil dos tersebut sebaik sahaja anda teringat. Ambil dos yang berikutnya pada masa yang biasa anda mengambilnya. Walau bagaimanapun, jika waktu sudah hampir untuk dos yang berikutnya, tinggalkan dos yang terlupa itu.

Jangan ambil dua dos untuk menggantikan dos yang telah terlupa.

### Jika mengambil VILGLAD secara berlebihan (terlebih dos)

Jika anda secara tidak sengaja terambil terlalu banyak tablet, atau jika orang lain telah mengambil ubat anda, berbincang dengan doktor serta merta. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan.

Tunjukkan kepada doktor pek pembungkusan, jika boleh.

### **Semasa menggunakan VILGLAD**

#### -Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan VILGLAD.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

#### Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi VILGLAD dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai gejala atau penyakit yang sama.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian Memandu kenderaan dan mengendalikan mesin

Pesakit yang berasa pening patut mengelakkan daripada memandu kenderaan atau mengendalikan sebarang peralatan atau mesin.

### **Kesan-kesan sampingan**

VILGLAD boleh menyebabkan beberapa kesan sampingan terhadap sesetengah orang. Sesetengah pesakit telah mengalami kesan-kesan sampingan berikut semasa mengambil VILGLAD sahaja atau secara kombinasi dengan satu lagi ubat antidiabetes:

### Sesetengah gejala memerlukan perhatian perubatan segera

Anda mesti berhenti mengambil VILGLAD dan berjumpa doktor anda dengan segera jika anda mengalami gejala berikut:

- Bengkak pada muka, lidah atau tekak, kesukaran menelan, kesukaran bernafas, ruam atau kegatalan yang bermula secara tiba-tiba (gejala tindak balas alergi yang teruk dipanggil 'angioedema'),
- Kulit dan mata menjadi kuning, berasa loya, hilang selera makan, air kencing berwarna gelap (gejala masalah hati).
- Sakit bahagian atas perut yang teruk (mungkin gejala keradangan pankreas).
- Sakit kepala, mengantuk, kelemahan, pening, kekeliruan, kerengsaan, kelaparan, denyutan jantung pantas, berpeluh, rasa gementar (mungkin gejala paras gula darah rendah yang dikenali sebagai 'hipoglisemia')

### **Kesan sampingan yang lain**

*Kesan sampingan umum (mungkin dialami oleh kurang daripada 1 dalam 10 pesakit). Kesan sampingan tidak umum (mungkin dialami oleh kurang daripada 1 dalam 100 pesakit).*

# VILGLAD

## Vildagliptin Tablets 50 mg

Sesetengah pesakit pernah mengalami kesan sampingan berikut semasa mengambil VILGLAD sahaja:

- Umum: Rasa pening
- Tidak umum: Sakit kepala, sembelit, tangan, buku lali atau kaki bengkak (edema).

Sesetengah pesakit pernah mengalami kesan sampingan berikut semasa mengambil VILGLAD dan metformin:

- Umum: Menggeletar, sakit kepala, rasa pening

Sesetengah pesakit pernah mengalami kesan sampingan berikut semasa mengambil VILGLAD dan sulfonilurea:

- Umum: Menggeletar, sakit kepala, rasa pening, lemah

Sesetengah pesakit pernah mengalami kesan sampingan berikut semasa mengambil VILGLAD dan glitazone:

- Umum: Berat badan naik, tangan, buku lali atau kaki bengkak (edema)
- Tidak umum: Sakit kepala

Sesetengah pesakit pernah mengalami kesan sampingan berikut semasa mengambil VILGLAD dan insulin:

- Umum: Sakit kepala, seram sejuk, loya, gula darah berkurangan, pedih hulu hati.
- Tidak umum: Cirit-birit, flatulens (kembung).

Sesetengah pesakit pernah mengalami kesan sampingan berikut semasa mengambil VILGLAD dengan metformin dan sulfonilurea:

- Umum: Rasa pening, menggeletar, lemah, berpeluh secara keterlaluan

Jika anda mengalami mana-mana gejala ini dengan teruk, **beritahu doktor anda.**

Sesetengah pesakit pernah mengalami kesan sampingan lain semasa mengambil VILGLAD sahaja atau secara kombinasi dengan satu lagi ubat antidiabetes:

- Ruam gatal, kulit mengelupas atau melepuh, sakit sendi.

Jika anda mengalami mana-mana gejala ini dengan teruk, beritahu doktor anda.

Jika anda mendapat sebarang kesan lain yang tidak disebutkan di dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat

Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

### Cara penyimpanan dan pelupusan VILGLAD

#### -Penyimpanan

- Jangan simpan VILGLAD pada suhu melebihi 30°C.
- Jangan guna selepas tarikh luput yang dinyatakan pada kotak.
- Simpan dalam pembungkusan asal.
- Jangan guna sebarang pek VILGLAD yang telah rosak atau yang mempunyai tanda ia telah diusik.
- Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai dan dilihat oleh kanak-kanak.

#### -Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

### Maklumat Lanjut

#### -Rupa dan warna produk

Warna putih ke warna pudar, berbentuk bulat, permukaan rata, tablet tepi serong, *debossed* dengan 'V15' pada satu sisi dan 'H' pada sisi yang lain.

#### -Bahan-bahan kandungan:

-Bahan aktif  
Vildagliptin

-Bahan tidak aktif

*Cellulose Microcrystalline (Avicel PH 112)*

*Lactose Anhydrous (Supertab 22AN)*

*Sodium Starch Glycolate (Type-A) (Primojel)*

*Magnesium Stearate (Ligamed MF-2-V)*

#### -Nombor MAL

MAL26036023AZ

### Pengilang

Hetero Labs Limited,  
Unit-V, Block-V And Block-VA,  
TSIIC Formulation SEZ S.Nos. 439 440  
441 and 458, Polepally Village, Jadcherla  
Mandal, Mahabubnagar, Telangana,  
509301, India.

### Product Registration Holder

Camber Laboratories Sdn Bhd  
Unit E-13A-02, Menara SUEZCAP 2,  
No.2, KL Gateway, Jalan Kerinchi,  
Gerbang Kerinchi Lestari,  
59200 Kuala Lumpur, Malaysia.

### Tarikh Kemaskini RiMUP

13/01/2026

### Nombor Siri:

NPRA (R2) 24/171